

Bot nelayan asing ditahan

KEMAMAN - Sebuah bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara untuk mengaut hasil laut secara haram kantoi selepas ditahan oleh Agensi Pengawal Kuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di perairan Kemaman.

Bot dinaiki enam awak-awak termasuk tekong dipercayai dari Vietnam yang berusia antara 23 hingga 61 tahun itu ditahan kira-kira 60 batu nautika dari Kemaman lebih kurang jam 3.30 petang, kelmarin.

Pengarah Maritim Wilayah Timur, Laksamana Pertama Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, kehadiran bot itu disedari oleh sebuah kapal ronda Maritim Malaysia yang sedang melaksanakan Operasi Perkasa Timur di perairan Pantai Timur.

"Setelah dikesan, kapal ronda kita merapati bot berpendaftaran Vietnam itu



Anggota pengawal kuasa Maritim Malaysia memeriksa nelayan Vietnam sejurus penahanan bot tersebut.

dan selepas pemeriksaan dijalankan, tekong gagal mengemukakan dokumen berkaitan bot dan semua awak-awak juga tiada pengenalan diri yang sah.

"Ekoran penahanan ini, bot terbabit berserta peralatan menangkap ikan dan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM500,000 akan disita untuk proses siasatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, bot berkenaan ditunda dan tiba di jeti Pangkalan Maritim Kemaman kira-kira jam 10 pagi semalam.

Siasatan dilakukan di bawah Akta Pêrikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana menceroboh perairan Malaysia.

